

PENTADBIRAN AGAMA ISLAM DI TERENGGANU DARI TAHUN 1911 HINGGA 1930 – AN

Tuan Ruhani bte. Tuan Shariff*

Tahun 1911 dapat dikatakan sebagai suatu tahun yang penting dalam pemerintahan kerajaan negeri Terengganu. Pada tahun ini Sultan Zainal Abidin III (1881 – 1918), setelah mengadakan perundingan dan perbincangan dengan Jemaah Menteri dan Jemaah Mesyuarat Kerajaan di samping beberapa pembesar negeri, Terengganu telah memutuskan bersetuju membentuk suatu undang-undang tubuh negeri yang dikenali dengan nama *Itqanul Muluk Bi Ta'dilis Suluk*,¹ dalam bahasa Arab. Sungguhpun perlembagaan itu dibuat setelah negeri Terengganu menerima kedatangan wakil pihak Inggeris dan isi kandungan perlembagaan memang boleh dikatakan bercorak moden tetapi ia dapat menggambarkan juga keadaan pemerintahan sebelum negeri Terengganu dicampuri oleh Inggeris.² Ini adalah disebabkan pada keseluruhan undang-undang tersebut berasaskan hukum-hukum Islam yang digubal mengikut keadaan tempatan.

Berhubungan dengan agama Islam sebagai agama negeri, *Itqanul Muluk* dengan jelasnya mempertetapkan kedudukan agama Islam sebagai “Agama Rasmi Negeri” dan Negeri Terengganu dijadikan sebagai sebuah “Negeri Islam”. Manakala kerajaan yang memerintah pula mestilah Kerajaan Melayu Islam (Kerajaan Islamiah Malayuiah). Agama-agama yang lain tidak boleh sekali-kali dijadikan agama rasmi, walaupun agama itu dibenarkan masuk dan dianuti serta diamalkan di dalam negeri dan jajahan Terengganu.³

Selain dari itu juga ditetapkan bahawa sultan dan ahli Jemaah Negeri mestilah beragama Islam tetapi ahli Majlis Mesyuarat Negeri

*Seorang lulusan Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia (1978) Artikel ini adalah sebahagian dari Latihan Ilmiahnya bertajuk “Sejarah Pentadbiran Hal Ehwal Islam Terengganu semenjak 1900 hingga 1950an.

1 Maksudnya dalam Bahasa Melayu adalah: “Kesungguhan Raja Menyempurnakan Perjalanan Pemerintahan dengan Adil”.

2 Lihat A.M.M. Mackeen, *Contemporary Islamic Legal Organization in Malaya*, Monograph Series No. 13, Southeast Asian Studies, Yale University, h. 27 – 8.

3 Lihat, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Terengganu 1911, fasal 51, h. 16.

tidaklah mesti beragama Islam.⁴ Dengan pengakuan Islam sebagai agama negeri, jelas menunjukkan bahawa pengaruh Islam telah menjiwai perlembagaan dan struktur pemerintahan Kerajaan Terengganu pada ketika itu. Malah agama Islam telah dipertahankan kedudukannya dari segala kemungkinan pengaruh dan ancaman.

Undang-undang ini juga penting kerana telah menaikkan kedudukan sultan sebagai ketua negara secara berperlembagaan buat pertama kalinya. Malah sultan juga dinyatakan sebagai ketua agama negeri:

Maka ketua agama bagi negeri ini ialah Duli Yang Maha Mulia dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (Council of Religion and Malay Custom' yang dilembagakan menurut undang-undang negeri yang sedia ada hendaklah terus membantu dan menasihatkan Duli Yang Maha Mulia di dalam perkara-perkara yang berkait dengan agama dan adat negeri.⁵

Satu hal yang perlu dinyatakan di sini ialah walaupun ada disebutkan bahawa Lembaga Majlis Agama Islam dan Adat Melayu berperanan untuk membantu dan menasihatkan sultan dalam hal-hal yang bersangkutan dengan agama dan adat Melayu tetapi secara formal badan itu tidak ditubuhkan sehinggalah menjelang tahun 1949.⁶

Sebagai sebuah negara Islam yang mengamalkan lunas-lunas keadilan, perlembagaan ini juga telah membuat garis-garis tertentu yang harus dipatuhi oleh pemerintah (Raja) semasa menjalankan pemerintahannya. Umpamanya di dalam fasal 8 dinyatakan "Mustahaknya di atas Raja Bermesyuarat":

Sesungguhnya sekelian kuasa negeri dan kerajaan semuanya pada raja juga tetapi lazim dan mustahaklah raja itu bermesyuarat dengan segala menteri atas apa pekerjaan kerajaan dan peraturan undang-undang.⁷

Sungguhpun kuasa memerintah sepenuhnya terletak di tangan sultan tetapi batas-batas tertentu dengan nyata ditegaskan secara berperlembagaan. Sultan tidak mempunyai hak membuat perjanjian atau menyerahkan negeri dan kerajaan kepada mana-mana kuasa besar Eropah atau lain-lainnya. Jika sekiranya sultan melanggar syarat-syarat tersebut, maka disifatkan sultan mencabuli amanah. Jika berlaku demikian maka tidak wajib atas ahli-ahli kerajaan dan segala

4 *Ibid.*, fasal 1.

5 *Ibid.*

6 Penubuhan dan peranan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu dibincangkan dalam Tuan Ruhani, "Sejarah Pentadbiran Hal Ehwal Agama", bab III.

7 Lihat, Undang-undang Tubuh Terengganu 1911, h. 6.

rakyat bersetia lagi dengan sultan dan harus diturunkan dari takhta dan diangkat ganti yang lain.⁸

Ini menunjukkan bahawa *ahli al hal wal aqad* berhak untuk menentukan siapakah yang harus menjadi pemerintah mereka. Kenyataan itu juga membayangkan bahawa disaat-saat perlembagaan itu dirangkakan, penggubal-penggubal undang-undang itu terutamanya ulama-ulama yang anti penjajah telah mula sangsi dan curiga dengan kedatangan Inggeris ke Terengganu.

Antara tokoh-tokoh ulama yang berperanan dalam menggubal undang-undang itu ialah Tuan Dalam (Syed Mustapha Al-Idrus), Tukku Paluh, Hj. Wan Mohd. Salleh Muhammad, Hj. Wan Mohd. Salleh Ismail, Hj. Wan Sulaiman Daud dan Hj. Ngah bin Mohd. Yusof (Datuk Seri Amar Diraja).

Pernah dinyatakan bahawa semasa diakhir-akhir pemerintahan Sultan Zainal Abidin III, Tukku Paluh sebagai penasihat terkanan sultan sentiasa memberi nasihat dan pandangan pada sultan terutama dalam soal yang melibatkan perjanjian Terengganu dengan negeri asing. Malah Tukku Paluh pernah menulis surat kepada Sultan Zainal Abidin III sebagai memberi ingatan atau nasihat dalam menjalankan urusan pemerintahan supaya tidak menyeleweng dari perundangan Islam kerana telah jelas unsur-unsur pemodenan yang cuba diserapkan oleh Inggeris yang semakin menapak dan kokoh di negeri itu. Pada waktu ini British jelas cuba campur tangan dalam pentadbiran Terengganu umpamanya semasa kedatangan Gabenor Frank Swettenham dalam tahun 1902.⁹ Beliau cuba mendapat persetujuan sultan mengenai satu rangka perjanjian yang telah disediakan di London antara lain mengiktiraf naungan Siam ke atas Negeri Terengganu. Tetapi Terengganu tidak mengakui sebagai naungan Siam, telah menolak perjanjian itu. Keadaan lebih buruk lagi apabila dalam tahun 1909, melalui perjanjian Siam dan British, Siam telah memindahkan kepada British segala hak naungan, juga hak perlindungan, pentadbiran dan kawalan atas apa sahaja yang dipunyai oleh Negeri Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis dan Pulau-Pulau yang berhampiran.¹⁰ Keadaan ini telah menimbulkan kemarahan kepada sultan. Ini jelas dapat dilihat semasa perjumpaan baginda dengan Gabenor Anderson di Singapura pada 21 Mei 1909. Baginda men-

8 *Ibid*, h. 8.

9 M.C.F.F., Sheppard, "A Short History of Terengganu", *JMBRAS*, vol. 22 pt. 3, 1949, h. 49.

10 Artikel 1 dari perjanjian 1909, lihat Maxwell. W.G. and Gibson, W.S., *Treaties and Engagements Effecting the Malay State and Borneo*, Suffolk, 1942, h. 86.

jelaskan bahawa baginda tidak bersetuju sama sekali dengan tindakan Kerajaan Siam itu.¹¹

Kelicinan dasar British untuk mempengaruhi bentuk pemerintahan telah menyebabkan terbentuknya perjanjian antara Terengganu dan British dalam tahun 1910. Sultan bersetuju menerima seorang pegawai British berperanan sebagai Adviser (Penasihat British) yang akan ditempatkan di Kuala Terengganu. Di antara tanggungjawab, ialah kerajaan Terengganu hendaklah meminta nasihat daripada “penasihat” British tersebut dalam segala hal kecuali dalam perkara mengenai agama dan adat istiadat Melayu. Kerajaan British juga mengaku akan menjaga dan menaungi negeri Terengganu dan sultan tidak boleh membuat perjanjian atau perikatan dengan kuasa asing melainkan dengan kebenaran kerajaan British.¹²

Perjanjian 1910 ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati ulama-ulama terutamanya Tukku Paluh kerana perjanjian itu akan menodai kedaulatan negara dan keutuhan negara Islam dan juga prinsip undang-undang dan kehakiman Islam yang telah diamalkan semenjak berkurun-kurun lamanya di Terengganu. Saranan-saranan yang dibuat oleh syeikhul ulama kepada sultan supaya mengamalkan dasar-dasar yang dituntut oleh agama jelas dilihat pada surat Tukku Paluh yang menyatakan:

... maka wajiblah daripada sekarang ini paduka anakanda berkuat kepada menzahirkan agama dan membetulkan segala mungkar dan jangan sekali-kali tidak hirau ...¹³

Saranan-saranan tidak puashati ulama-ulama itu menyebabkan sultan terpaksa membekukan perjanjian 1910 itu. Sungguhpun

11 Buyung Adil, *Sejarah Terengganu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1974, h. 167.

12 *Ibid.*, h. 168.

13 Surat asal Tukku Paluh pada Sultan Zainal Abidin III. Antara lain surat itu dapat dirumuskan seperti berikut;

a Orang-orang Islam wajib mempertahankan agama Islam mengikut garis-garis yang telah ditunjukkan oleh Rasul mengenai akhirat dan dunia kerana kepentingan hidup manusia bukanlah semata-mata bergantung kepada pengetahuan manusia. Wahyu Tuhan yang disampaikan melalui Rasul-Rasul yang merupakan peraturan-peraturan hidup mestilah diikuti.

b Perutusan Rasul-Rasul itu merupakan satu hikmat dari Allah. Mereka merupakan orang perantaraan antara manusia dengan Tuhan. Segala ajaran yang merupakan peraturan di dunia dan akhirat itu hendaklah ditegakkan melalui pemerintah atau raja-raja.

c Mendirikan pemerintahan atau raja adalah wajib supaya rakyat sentiasa bersatu dengan itu Agama Islam juga turut dapat ditegakkan.

seorang “British Agent” diterima iaitu Conley tetapi ia hanya bertugas untuk melaporkan kemajuan-kemajuan tertentu tanpa mencampuri sebarang keputusan yang dibuat oleh sultan dan Jemaah Mesyuarat Negeri. Sungguhpun beliau dapat merangkakan enekmen-enekmen tetapi segala rangka enekmen itu tidak pernah diikuti oleh baginda dan pentadbir-pentadbir negeri yang lain.¹⁴

Berdasarkan kepada pergolakan-pergolakan yang berlaku itu dan untuk menjamin masa depan dengan tidak diganggu gugat, Undang-Undang Tubuh Terengganu telah menetapkan:

maka tidak lulus dan tidak sah sekali-kali Raja membuat perjanjian atau iktiraf melepas atau menyerahkan negeri dan kerajaan atau hukumnya kepada sebarang mana kerajaan atau kuasa Bangsa Eropah. Maka jika raja cuba lalui larangan dan tegahan itu nescaya disifatkan akan dia memecah amanah yang diletakkan atasnya serta tidak sah perbuatan demikian.¹⁵

Dalam pada itu dapat juga dikatakan bahawa kebimbangan kaum ulama juga timbul kerana takut kedudukannya sebagai orang terkanan pada sultan akan tergugat dengan adanya “British Agent”. Alim ulama sedar bahawa kedatangan wakil British itu tentu ada motifnya sendiri dan cuba mengadakan perubahan-perubahan “Internal Affair” yang akhirnya menggugat kedudukan sultan dan seterusnya ulama itu sendiri. Terutamanya sekira berlaku pindaan-pindaan ke atas perlembagaan Undang-Undang Tubuh Negeri Terengganu. Manakala pihak Inggeris pula menyedari bahawa hubungan rapat alim ulama dengan sultan menyebabkan sukar bagi Inggeris untuk mencampuri politik Terengganu berbanding dengan negeri-negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu. Ini menyebabkan kedua-dua pihak itu berusaha dan mencari jalan untuk menegakkan kedudukan dan kepentingan masing-masing.

Di dalam perlembagaan 1911 juga, kita dapati konsep *ijtimak*¹⁶ amat diutamakan. Di mana digariskan bahawa Jemaah Menteri hendaklah *ijtimak* berhimpun sekurang-kurangnya sebulan sekali kerana pekerjaan negeri dan kerajaan ataupun bila ada titah perintah raja menyuruh atau dengan perintah Menteri Besar atau tiga orang daripada Jemaah Menteri.¹⁷

14 M. Sheppard., “A Short History”, h. 55.

15 Undang-Undang Tubuh Terengganu 1911, fasal 14, h. 9.

16 “*Ijtimak*” membawa erti musyawarah dan persetujuan ramai amat dipentingkan. Konsep ini merupakan satu-satunya yang digalakkan oleh agama Islam sendiri.

17 Undang-Undang Tubuh Terengganu, 1911, h. 13.

Di sekitar tahun 1910-an ini sebenarnya dapat dikatakan sistem pentadbiran telah berjalan dengan baik. Terutamanya dalam soal undang-undang dan kehakiman telah banyak dibentuk dan disusun. Sehingga tahun 1916 telah pun terdapat 7 jenis mahkamah iaitu Mahkamah Yang Maha Tinggi,¹⁸ mahkamah appeal,¹⁹ mahkamah besar,²⁰ mahkamah majistret pangkat pertama dan kedua,²¹ mahkamah kadi²² dan mahkamah penghulu.²³

Pentadbiran yang teratur dan kemas di masa ini menyebabkan pembesar-pembesar negeri dan sultan merasakan lunas-lunas keislaman tetap dapat mengujudkan kestabilan dalam negeri. Keadaan-keadaan ini juga menyebabkan pihak British sukar untuk mencemuh atau mengkritik pentadbiran Kerajaan Terengganu terutamanya setelah termaktubnya perlembagaan 1911. Ini juga merupakan satu sebab British agak susah untuk campur tangan di dalam pentadbiran Terengganu dengan segera. Walau bagaimanapun British yang cuba menjejaskan kestabilan politik dan kedudukan alim ulama tetap melaporkan bahawa pentadbiran sultan tidak cekap kerana ikatan hubungan yang rapat dengan ulama-ulama dan menyatakan:

There were no written laws, no courts, and no police. All manner of crime was rampant, the peasantry was mercilessly downtrodden, but the land was full of holy men and the cries of the miserable were drowned in the noise of ostentatious prayer.²⁴

Tentu sekali laporan ini tidak diterima kerana sebagaimana yang telah diterangkan di atas tadi, di masa ini telahpun wujud beberapa mahkamah untuk menyelesaikan kes-kes yang timbul. Dengan adanya mahkamah-mahkamah tentu sekali ada penguatkuasa undang-undang

18 Mahkamah ini berkuasa memutuskan appeal daripada mahkamah appeal. Lihat *Undang-Undang Tertib Mahkamah bagi tahun 1335 (1916)* dan *Undang-Undang Tertib Mahkamah bilangan 4/1340 (1912)*.

19 3 orang menjadi hakim mahkamah appeal. Ia boleh memutuskan mana-mana appeal daripada mahkamah besar dan kadi, *Ibid.*

20 Mahkamah ini boleh memutuskan guaman mal dan jenayah tetapi tidak boleh menghukum bunuh kecuali dengan izin sultan, *Ibid.*

21 Mahkamah majistret pertama boleh memutuskan guaman mal yang tidak lebih daripada \$1,000 dan guaman jenayah tidak lebih daripada \$500 atau penjara 2 tahun. Manakala majistret kedua memutuskan guaman mal tidak lebih daripada \$500 dan jenayah \$100 atau penjara 6 bulan, *Ibid.*

22 Membicarakan soal-soal yang berkait dengan agama Islam dan nikah cerai, *Ibid.*

23 Boleh memutuskan guaman mal tidak lebih daripada \$25 tuntutan dan jenayah \$10 atau penjara 7 hari, *Ibid.*

24 J.D. Vere Allen, "The Ancien Regime in Terengganu 1901 - 1919" *JMBRAS* vol. 41, pt. 1, 1968, h. 25.

supaya pentadbiran berjalan dengan licin dan lancar. Selain dari sebab untuk merendah-rendahkan sistem pentadbiran yang berlandaskan lunas-lunas Islam, tuduhan itu juga timbul mungkin kerana bentuk undang-undang Islam dan Barat berlainan sama sekali.

Sebenarnya jika ditilik dari keseluruhan perlembagaan 1911, didapati corak pentadbiran yang cuba diwujudkan pada ketika itu adalah corak pemerintahan Islam iaitu satu pemerintahan yang dijalankan berdasar kepada undang-undang "Hukum Syarak" di dalam setiap bidang pentadbiran. Undang-Undang Hukum Syarak ini merupakan satu-satunya undang-undang yang tidak dapat dipinda atau diubah oleh sebarang kuasa pemerintah yang ada di negeri itu, baik Majlis Mesyuarat Negeri, Jemaah Negeri mahu pun sultan sendiri. Walau bagaimanapun Undang-Undang Hukum Syarak itu telah berkurangan dipakai dalam pentadbiran am negeri apabila Kerajaan Terengganu menandatangani satu lagi perjanjian tambahan dengan Kerajaan Inggeris pada tahun 1919.²⁵ Di bawah perjanjian itu, Kerajaan Terengganu hendaklah menerima seorang pegawai penasihat British yang akan tinggal di negeri itu. Nasihat-nasihat dari penasihat British itu hendaklah diminta dan dilaksanakan dalam segala perkara mengenai pentadbiran am negeri dan semua soal-soal lain melainkan mengenai perkara Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu. Ini menyebabkan Undang-Undang Hukum Syarak hanya terpakai dalam hal-hal mengenai nikah cerai, pembahagian harta dan perkara-perkara yang berhubung dengan amal ibadat sahaja.

Walaupun bagaimanapun tidak dapat dinafikan peri pentingnya perlembagaan itu sebagai menunjukkan kecekapan pentadbiran sultan dan pembesar-pembesar ketika itu. Malah ia juga menjadi garis panduan pemerintahan raja-raja kemudiannya di mana batas dan bidang kuasa telah ditentukan. Sesuai dengan perlembagaan negeri yang berasaskan ajaran Islam, semua surat menyurat dalam pentadbiran negeri itu adalah diselenggarakan dalam Bahasa Melayu dengan menggunakan tulisan Jawi. Di samping itu, hari Jumaat yang mulia di sisi Islam telah dijadikan sebagai hari minggu hingga kini. Malah langkah-langkah ini juga telah diikuti oleh Negeri-Negeri Bersekutu seperti Perak dan Negeri Sembilan.

PENUBUHAN PEJABAT PESURUHJAYA AGAMA DAN KEADILAN

Sebagai sebuah negeri Islam tentu sekali segala urusan pentadbiran dijalankan mengikut kehendak-kehendak Islam terutamanya urusan

25 The Annual Report of the State of Terengganu 1923, h. 2.

yang bersangkutan dengan hal ehwal agama. Dasar-dasar itu dijalankan dan dipertanggungjawabkan kepada individu-individu tertentu. Urusan-urusan itu telah ditugaskan kepada pegawai-pegawai tertentu sama ada secara berpejabat ataupun tidak. Catatan-catatan rekod sukar diperolehi untuk menentukan siapakah pegawai-pegawai yang telah ditugaskan itu sama ada secara langsung ataupun tidak. Walau bagaimanapun dapat dikatakan bahawa dari semenjak negeri ini memeluk Islam maka pegawai agama atau mereka yang bertanggungjawab di dalam urusan agama terutama seperti mufti dan kadi telah pun dilantik oleh sultan negeri Terengganu yang dahulu.²⁶ Peranan mufti dan kadi pada masa itu amat penting untuk menerangkan hukum-hukum agama kepada rakyat jelata. Setakat yang dapat diketahui mufti Terengganu yang pertama ialah Syeikh Abdul Kadir Bukit Bayas.²⁷ Umumnya mufti berperanan untuk menasihatkan sultan dalam perkara-perkara yang bersangkutan dengan undang-undang Islam dan bertanggungjawab dalam semua perkara yang bersangkutan dengan hal ehwal agama Islam.

Dalam tahun 1304 A.H., Duli Yang Maha Mulia Sultan Zainal Abidin III telah melantik Hj. Abdul Talib bin Sulong menjadi kadi dengan gelaran *Khadimu Al-Syari'* (**خادم الشريعة**). Tetapi menurut satu catatan lain pula semasa almarhum Sultan berakad nikah dengan Tengku Long iaitu puteri Sulung Sultan Ahmad Pahang, ada disebutkan seorang Kadi Terengganu bernama Hj. Muhammad bin Hj. Yusof yang menjalankan akad nikah tersebut.²⁸

Menurut catatan yang ada pada abad ke-20 iaitu Muharam 1131 A.H. telah pun wujud peraturan tertib jawatan "Negeri dan Pejabat-Pejabat Kerajaan" di Terengganu. Antara pejabat yang telah dirasmikan termasuklah Pejabat Pesuruhjaya Agama dan Keadilan.²⁹ Jelasnya dapat dikatakan bahawa Pejabat Pesuruhjaya Agama dan Keadilan ini telah ditubuhkan semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin III iaitu pada tahun 1912 untuk mentadbirkan hal ehwal agama Islam dan juga menjalankan pentadbiran mahkamah syariah dengan cara yang lebih kemas dan sistematik.

Setakat yang dapat diketahui mengapa pejabat itu diberi nama Pejabat Pesuruhjaya Agama dan "Keadilan" kerana pejabat ini juga mempunyai tanggungjawab dalam soal-soal keadilan termasuk hal-hal mahkamah. Umpamanya ia bertanggungjawab untuk mengeluarkan lesen-lesen peguam, penulis dan sebagainya. Walau

Misbaha "Sepintas lalu; Sejarah Pejabat Agama Terengganu" *Majalah Suara Jabatan Agama Terengganu*, bil. 5, Disember 1960, h. 16.

27 *Ibid.*, h. 16 juga hasil temutanya dengan Datuk Purba pada 26 Julai 1977.

28 *Ibid.*, h. 16.

29 *Ibid.*, h. 16.

bagaimanapun tugas-tugas itu telah diserahkan sepenuhnya kepada mahkamah dan tidak lagi menjadi tanggungjawab pejabat agama selepas tahun 1955.³⁰ Di peringkat awal penubuhan pejabat ini; ia telah dikendalikan oleh pegawai-pegawai yang terdiri dari Sheikhul Islam sebagai ketua jabatan, penolong sheikhul Islam, mufti, kadi dan nazir al-masjid.

Dalam tahap-tahap perkembangan perjalanan pentadbiran pejabat itu, perubahan demi perubahan telah diadakan. Umpamanya pada 25 September 1919 (1.1.1338) jawatan Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama telah diadakan sebagai pegawai perjawatan yang tertinggi dalam hal ehwal agama. Orang yang pertama memegang jawatan pesuruhjaya hal ehwal Agama Islam Terengganu ialah Tengku Ngah Umar bin Abdul Rahim atau dikenali sebagai Tengku Sri Utama Raja, (beliau juga merupakan menantu pada Sultan Zainal Abidin III) dengan gaji sebanyak \$250 sebulan.³¹ Gaji yang sebanyak ini pada ketika itu adalah lumayan dan mengatasi gaji setiausaha Kerajaan. Ini kerana jawatan itu dipandang tinggi dan penting sekali.

Antara pegawai-pegawai lain yang bertugas dalam jabatan di masa itu ialah Tuan Embong Syed Abu Bakar bin Abdul Rahman Al-Idrus sebagai Sheikhul Islam pada 25 September 1919 (1.1.1338). Beliau bergaji sebanyak \$150 sebulan. Manakala Hj. Wan Sulaiman bin Daud bergelar Orang Kaya Kamal Wangsa sebagai penolong Sheikhul Islam. Jawatan kadi pula disandang oleh Hj. Wan Taib Abdul Rahman dan Hj. Wan Muhamad Salleh Ismail bergelar Dato Indera Guru sebagai mufti pada 10 Disember 1912.³² Terdapat juga beberapa jawatan lain lagi seperti nazir masjid, kerani dan sebagainya.

Dari semasa ke semasa beberapa jawatan yang lain pula telah diadakan memandangkan tugas-tugas yang semakin bertambah umpamanya setiausaha pejabat diwujudkan pada tahun 1932, jawatan naib kadi (sekarang dikenali dengan "Kadi Jajahan") pada 1936, jawatan pemeriksa hal ehwal agama pada 1938 dan jawatan nazir sekolah-sekolah agama pada 1949.³³ Perlu juga dinyatakan di sini bahawa semenjak awal ditubuhkan pejabat ini tidak mempunyai satu bangunan yang rasmi. Ini menyebabkan pejabat ini sentiasa berpindah dari satu tempat ke tempat yang lain. Ini merupakan satu sebab mengapa banyak punca bahan-bahan penting telah hilang atau musnah semasa perpindahan itu. Ini juga merupakan satu faktor besar ka-

30 Hasil temutanya dengan Hj. Ustaz Mahmud Salim pada 17 Julai 1977.

31 Rekod of Service Pejabat Agama dan Keadilan Kerajaan Terengganu bil. 1, (Rekod ini hanya merupakan catatan harian kakitangan pejabat ir.).

32 *Ibid.*

33 Misbaha, *Suara Jabatan Agama Terengganu*, bil. 7 Februari 1961 h. 16.

jian tentang pejabat agama ini tidak dapat didalami dengan baik. Um-pamanya pada mula-mula penubuhan pejabat ini ia terletak di balai besar dalam kawasan Istana Maziah kemudian berpindah pula ke pejabat bangunan Pos. Dari situ berpindah pula ke rumah Hajjah Ngah Asiah di Kampung Pantai. Kemudian ke bangunan Pejabat Besar Kerajaan dan tidak berapa lama lepas itu berpindah pula ke bangunan rumah Tengku Sri Bijaya Raja, kemudiaan berpindah pula ke rumah Allahyarham Dato Sri Amar Diraja. Setelah itu berpindah pula ke rumah Tengku Muda di Jalan Syed Hussin dan akhirnya barulah ke bangunan khas di Jalan Paya Bunga. Bangunan ini telah dibuka pada 26 Mac 1953 oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail Nasharuddin Shah.³⁴

PERJALANAN PENTADBIRAN ISLAM

Sungguhpun Pejabat Agama dan Keadilan baru saja ditubuhkan tetapi tidak dapat dinafikan bahawa tugas-tugas yang harus dilaksanakan begitu banyak sekali. Keseluruhan tugas-tugas itu adalah berlegar di sekitar kehidupan masyarakat Islam dan perundangan menurut lunas-lunas Islam. Malah dapat dikatakan sebelum tertubuhnya pejabat ini, perlaksanaan tanggungjawab itu tetap berjalan tetapi mungkin dalam keadaan yang kurang teratur dan kemas atau tidak berorganisasi. Setelah tertubuhnya Pejabat Agama dan Keadilan ini dapatlah dikatakan bahawa pentadbiran yang diwujudkan lebih kemas dan berjalan dengan licin kerana adanya pembahagian-pembahagian kuasa dengan ahli-ahli penyelenggaraan yang lebih ramai. Lebih-lebih lagi kerana adanya enekmen-enekmen atau undang-undang dan istihar-istihar yang diluluskan sebagai andaian untuk menjalankan pentadbiran.

Sebenarnya di sepanjang tahun-tahun 1910 hingga 30-an terlalu banyak undang-undang dan istihar-istihar yang telah diluluskan berkenaan dengan perundangan Islam. Begitu juga dengan perundangan pentadbiran lain seperti undang-undang laut, undang-undang candu, undang-undang getah dan sebagainya. Oleh sebab itu rencana ini hanya akan membicarakan beberapa undang-undang dan istihar-istihar yang difikirkan penting sebagai pokok perbincangan mengikut perkembangan pentadbiran Pejabat Agama dan Keadilan itu. Pada umumnya perkataar "istihar" di sini dapat diertikan sebagai arahan-arahan dari majlis termasuklah beberapa perkara yang penting untuk beberapa waktu sahaja atau "sanction" yang belum diluluskan rangkanya sebagai undang-undang yang tetap.³⁵

34 *Ibid.*, h. 15 kedudukan ini juga sebenarnya tidak kekal sehinggalah dalam tahun 1977 ia berpindah ke bangunan pejabat khas dan rasmi di Jalan Stadium.

35 *The Annual Report of the State of Terengganu 1931*, h. 3.

Pada umumnya tugas-tugas Pejabat Agama dan Keadilan ini ialah membicarakan hal-hal agama Islam dan memberi syor kepada kerajaan berkenaan dengan agama dan lain-lain, mahkamah kadi, pejabat pesaka cawangan keadilan, nazir al-masjid, ketua-ketua mukim, pegawai daerah jajahan Barat dan Timur, pendaftar nikah cerai dan naibnya yang dijalankan dengan seberapa daya upaya sebagaimana yang ada dalam pengetahuan kerajaan oleh Pesuruhjaya Agama dan Keadilan (kepada pejabat), al-Mufti kerajaan dan penolong Sheikhu Islam dengan kadar beberapa orang kerani.³⁶

Sebelum meneruskan perbincangan tentang perjalanan pentadbiran itu, saya rasa perlu juga dinyatakan di sini siapakah tokoh-tokoh penting sebagai Pesuruhjaya Agama, Mufti dan Kadi yang bertanggungjawab melaksana dan menyelenggarakan tugas-tugas itu.

1 JAWATAN PESURUHJAYA-PESURUHJAYA AGAMA DAN KEADILAN SEMENJAK DITUBUHKAN HINGGA 1930-AN

a Tengku Sri Utama Raja (Tengku Ngah Umar bin Abdul Rahim) daripada 1.1.1338 hingga 25.3.1342 (iaitu bersamaan 25 September 1919 hingga 1922).

b Tengku Sri Bijaya Raja (Tengku Chik Ahmad bin Abdul Rahman) dari 1.1.1342 hingga 12.8.1347 (iaitu bersamaan 1924 hingga 1928).

c Dato Kaml Wangsa (Hj. Wan Sulaiman bin Daud) dari 1.11.1347 sebagai pemangku pesuruhjaya agama dan dari 1.4.1349 dilantik menjadi pesuruhjaya agama hingga 1.7.1350 (iaitu bersamaan lebih kurang dari tahun 1930 hingga 1931).

d Dato Sri Amar Diraja (Hj. Ngah Mahmud bin Yusof) menjadi pemangku pesuruhjaya agama dari 25.8.1350 (1 Januari 1932) hingga 22.7.1359 (25 Ogos 1940)³⁷

Tugas-Tugas Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Islam. Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Islam ini memegang peranan sebagai Ketua Pejabat Hal Ehwal Agama Islam Terengganu dan bertanggungjawab untuk menjalankan pentadbiran pejabat, melaksanakan segala dasar yang ditetapkan dan juga Undang-Undang Pentadbiran Hukum Syarak, mengawal dan mengembangkan agama Islam di Terengganu serta bertanggungjawab kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan. Di dalam tahun-tahun 1940-an dan 1950-an pula, tugas-tugas Pesuruhjaya ini semakin bertambah apabila kegiatan-kegiatan pentadbiran agama semakin dipesatkan. Misalnya setelah Undang-Undang Pungutan

36 Lihat Terengganu, SUK 530/1346, Laporan Tugas Pejabat Agama.

37 Misbaha, *Suara Jabatan Agama Terengganu*, bil. 7 Februari 1961, h. 16.

Zakat dibentuk dalam tahun 1941/42 Pesuruhjaya ini diamanatkan sebagai pengawal zakat fitrah negeri yang berkuasa pula untuk melantik penolong pengawal zakat, amil-amil, penolong amil serta mengawasi kira-kira pungutan zakat itu. Apabila perbadanan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu ditubuhkan dalam tahun 1949, Pesuruhjaya secara tidak langsung pula telah dilantik oleh sultan sebagai Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Melayu. Ini bererti Pesuruhjaya dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan dua buah institusi pentadbiran agama Islam yang penting di negeri ini. Jadi di sini jelas bahawa peranan Pesuruhjaya amat penting sekali. Maju mundur pentadbiran agama begitu banyak bergantung kepada keupayaan dan kecekapan Pesuruhjaya menjalankan tugas-tugasnya.

2 JAWATAN MUFTI

a Dato Indera Guru (Hj. Wan Muhamad Salleh bin Ismail) daripada 1.1.1331 hingga 26.7.1350 bersamaan 10 Disember 1912 hingga 7 Disember 1931.

b Dato Kamal Wangsa (Wan Sulaiman Daud) daripada 1 Januari 1932 hingga 16 September 1936.³⁸

Tugas-Tugas Mufti. Sebagai mufti tugas terpentingnya ialah mengeluarkan fatwa-fatwa untuk masyarakat Islam yang bersangkutan dengan Hukum Syarak.

3 JAWATAN KADI DAN KADI BESAR

a Hj. Wan Talib bin Abdul Rahman memegang jawatan sebagai kadi dari 1.12.1341 (22 September 1922) hingga 1.1.1347 (19 Jun 1928).

b Hj. Wan Endut bin Wan Long memegang jawatan sebagai kadi dan kadi besar dari 1.4.1343 (29 Oktober 1924) hingga 1950.³⁹

Tugas-Tugas Kadi dan Kadi Besar. Secara umumnya Kadi Besar adalah bertugas untuk menjalankan pengadilan, bagi seluruh negeri manakala kadi pula bertanggungjawab untuk menjalankan pengadilan di dalam jajahan ataupun daerah masing-masing.

4 SETIAUSAHA PEJABAT AGAMA

Menurut *Suara Jabatan Agama Terengganu* jawatan Setiausaha Pejabat ini telah dibentuk dalam tahun 1932.⁴⁰ Jawatan ini pada

38 *Ibid.*, h. 16.

39 *Ibid.*, h. 17.

40 *Ibid.*, h. 16.

mulanya disandang oleh Hj. Awang bin Khatib Ahmad. Dua tahun kemudiannya jawatan ini dipegang pula oleh Che Da Abdul Rahim bin Mohammad.

Tugas-Tugas Setiausaha Pejabat Agama. Secara umumnya, Setiausaha ini bertugas sebagai penolong kepada ketua pejabat. Ia bertanggungjawab untuk menjalankan dan menguruskan segala tanggungjawab dan urusan Pejabat Agama serta menyelia pekerjaan yang dibuat oleh kakitangan-kakitangan jabatan ini.

5 PEMERIKSA HAL EHWAL AGAMA

Jawatan ini telah dibentuk dalam tahun 1938,⁴¹ pegawai yang pertama menyandang jawatan ini ialah En. Muhammad Ali bin Abu Bakar.

Tugas-Tugas Pemeriksa Hal Ehwal Agama. Sebelum jawatan Nazir Sekolah-Sekolah Agama dibentuk dalam tahun 1953, Pemeriksa Hal Ehwal Agama ini berperanan untuk mengurus perjalanan sekolah-sekolah agama di samping tugas-tugas yang lain. Sebagai Pemeriksa Agama, ia ditugaskan sebagai seorang pegawai yang bertanggungjawab terhadap Pesuruhjaya Agama untuk menyiasat pengajaran agama diseluruh Negeri Terengganu termasuk di dalam perkampungan dan mukim-mukim. Juga membuat lawatan ke masjid-masjid dan surau-surau dan menyiasat keadaan masyarakat terutamanya menyelidiki dari semasa ke semasa kalau-kalau ada pengajaran salah disampaikan kepada masyarakat. Menjelang tahun 1956, setelah kuat kuasanya Undang-Undang 4/55 satu peranan baru diberikan kepada Pemeriksa Agama iaitu sebagai pendakwa bagi Pejabat Agama.

Satu skim gaji pegawai-pegawai Pejabat Agama yang agak teratur, kemas dan sesuai telah dikuatkuasakan mulai 1 Januari 1939; di mana skim gaji itu seperti berikut:

| | |
|-----------------------------|--|
| Pesuruhjaya Agama | |
| Mufti | — \$2,160 – \$180A – \$3,600; \$3,000 – \$120A – \$3,600 |
| Kadi | — \$1,200 – \$120A – \$1,920; \$1,200 – \$120A – \$2,400 |
| Naib Kadi | — \$ 900 ; 900 |
| Pelatih Kadi | — \$ 420 ; 420 |
| Nazir masjid dan Guru Agama | — \$ 900 – \$ 60A – \$1,200; \$ 900 – \$ 60A – \$1,200 |
| Setiausaha Pejabat Agama | ; \$1,200 – \$120A – \$2,400 ⁴² |

41 *Ibid.*, lihat juga *Laporan Susunan Pejabat Hal Ehwal Agama Terengganu 1959*, h. 19.

42 Terengganu, S.A. 1132/56; J.M.B. 787/56 dan B.A.T. 1225/57.

Sebelum daripada skim gaji ini sudah ada skim gaji yang lain. Umpamanya “Peraturan Gaji-Gaji Pegawai Kerajaan Terengganu Bilangan 7 Bagi Tahun 1943 (1924)”. Skim gaji ini lebih tinggi lagi di mana gaji untuk Pesuruhjaya Agama yang merupakan darjah 1A dimulakan dari \$4,200 setahun hingga \$6,000 setahun dengan tambahan tiap-tiap tahun sebanyak \$300 (\$350-A 25 – 500 sebulan). Manakala Muftiyang duduk di tangga II, bermula dari \$2,160 setahun hingga \$3,600 setahun dengan tambahan tiap-tiap tahun sebanyak \$180 — (\$180-A15 – \$300 sebulan).

PENTADBIRAN MAHKAMAH

Mengikut sumber yang boleh didapati iaitu dari “Undang-Undang Tertib Mahkamah bagi tahun 1340” beberapa bentuk mahkamah telah ditetapkan dengan tugas-tugasnya. Walau bagaimanapun sebelum daripada undang-undang ini telah terdapat undang-undang yang dibatalkan iaitu “Undang-Undang Tertib Mahkamah bagi tahun 1355” (1916).⁴³ Mahkamah-mahkamah yang telah diluluskan dalam undang-undang 1340 ini ialah Mahkamah Besar, Mahkamah Majistret pangkat yang pertama, Mahkamah Majistret pangkat yang kedua, Mahkamah Kadi dan Mahkamah Penghulu. Susunan mahkamah yang dinyatakan ini adalah mengikut tinggi rendahnya kedudukan dan kuasa mahkamah itu sendiri.

Mahkamah Appeal merupakan mahkamah tertinggi sekali. Ahli-ahlinya terdiri daripada “British Adviser” dan 2 orang menteri atau pegawai tinggi yang dipilih oleh sultan sendiri.⁴⁴ Antara lain mahkamah ini berperanan memeriksa semula keputusan dari mana-mana mahkamah dan melihat surat-surat pembicaraan. Sekiranya difikirkan perlu penyiasatan boleh dilakukan dan pembicaraan boleh dibuka semula.

Manakala Mahkamah Besar pula ia membicarakan dan memutuskan semua hal-hal guaman mal dan jenayah. Hukuman-hukuman boleh dijatuhkan mengikut undang-undang atau pun adat

43 Berdasarkan kepada bentuk undang-undang lain yang baru diistiharkan itu adalah lebih kurang sama saja dengan undang-undang yang dibatalkan. Jadi dapatlah dikatakan Undang-Undang Tertib Mahkamah 1335 dengan 1340 itu tidak banyak perbedaannya. Mungkin ada sedikit sebanyak yang ditambah atau dipinda. Contohnya yang jelas dapat dilihat umpamanya dalam fasal 7 undang-undang 1340 ini telah dipinda dalam undang-undang bil. 1 tahun 1343 daripada berkuasa menghukum tidak lebih daripada 7 tahun kepada tidak lebih daripada 15 tahun. Lihat, Kerajaan Terengganu, *Undang-Undang Tertib Mahkamah, bil. 4/1340 dan bil. 1/1343*.

44 Lihat, Kerajaan Terengganu, *Undang-Undang Tertib Mahkamah bil. 4 bagi tahun 1340*.

tetapi tidak menghukum bunuh atau penjara yang lebih daripada 7 tahun kecuali setelah mendapat kebenaran dari Yang Maha Mulia Sultan dalam mesyuarat. Mahkamah ini juga boleh memutuskan semua appeal dari mahkamah yang lebih rendah darinya. Di sini dapat kita lihat bahawa peranan dan kedudukan sultan masih diletakkan di tempat teratas sekali di dalam semua perkara.

Mahkamah Majistret pangkat yang pertama sebenarnya tidak banyak bezanya dengan Mahkamah Majistret pangkat yang kedua. Bezanya cuma mahkamah pangkat pertama ini boleh membicarakan dan memutuskan gunaman mal dalam kadar wang yang dituntut itu tidak lebih dari \$1000 dan denda jenayah tidak lebih dari \$500 dan penjara tidak lebih daripada 2 tahun atau kedua-duanya sekali. Manakala mahkamah pangkat kedua hanya boleh membicarakan dan memutuskan guaman mal terhadap tuntutan yang tidak lebih daripada \$500 dan denda jenayah yang tidak lebih daripada \$100 atau penjara tidak lebih daripada 6 bulan atau merangkumi keduanya sekali.

Mahkamah Kadi pula, merupakan sebuah mahkamah yang amat terkenal di kalangan masyarakat. Ini disebabkan tugas-tugas mahkamah ini yang boleh membicarakan dan memutuskan perkara-perkara berkenaan dengan agama Islam dan perkara yang bersangkutan dengan nikah cerai dan sebagainya dalam perbalahan suami isteri yang merupakan masalah sosial masyarakat sehari-hari. Dengan perkataan lain, tugas-tugas kadi dapatlah dikatakan membicarakan dan memutuskan perkara mal, jenayah, enggan taklik, menurut kuasa yang teratur dalam undang-undang 4/40 iaitu memutuskan perkara yang berkenaan dengan Agama Islam dan perkara berkenaan nikah cerai, rujuk dan sebagainya dalam pergaduhan laki bini dan mengikut perjalanan hukum syarak dan undang-undang peraturan kerajaan yang telah dijalankan.⁴⁵ Umpamanya dalam tahun 1926 tugas-tugas itu dijalankan oleh Kadi Hj. Wan Endut bin Hj. Wan Long dengan dibantu oleh 3 orang kerani. Walau bagaimanapun mahkamah ini sentiasa mendapat syor dan pandangan dari Pesuruhjaya Agama dan Keadilan iaitu Tengku Sri Bijaya Raja, Dato Kamal Wangsa (Penolong Sheikhul Islam) dan al-Mufti kerajaan (Dato Indera Guru).⁴⁶

Selain daripada nasihat dan pandangan-pandangan itu Kadi juga menjalankan tugasnya berdasarkan kepada undang-undang atau istihar-istihar yang diluluskan melalui Mesyuarat Negeri. Um-

45 Terengganu, SUK. 530/1346.

46 *Ibid.*

pamanya “Peraturan Mahkamah Kadi” bil. 2 bagi tahun 1348 telah pun diluluskan dan dikuatkuasakan pada 1hb. Januari 1930.⁴⁷ Keseluruhan undang-undang itu dapatlah dikatakan memberikan garis-garis panduan dan arahan-arahan pada masyarakat Islam supaya menjalankan tanggungjawab sebagai suami isteri mengikut lunas-lunas Islam. Umpamanya dinyatakan tentang kewajipan suami memberi nafkah pada isteri. Sekiranya engkar, perkara itu boleh dibawah ke hadapan Kadi dan orang itu wajib membayar nafkah atas timbangan yang patut. Manakala isteri pula harus taat pada suami dan sekiranya engkar perkara itu bolehlah dibawa kepada Mahkamah Kadi. Perkara-perkara lain yang dibincangkan ialah cara-cara membawa kes rayuan ke mahkamah, penyelesaian dan denda-denda yang dikenakan. Sebenarnya undang-undang seperti ini banyak diluluskan sehingga susah untuk dikesani umpamanya terdapat undang-undang pembayaran hutang bil. 4 bagi tahun 1343 dan lain-lain lagi. Perkara seperti ini berlaku dapatlah dikatakan kerana tidak adanya badan penyelaras undang-undang yang benar-benar mahir dan mempunyai pandangan yang jauh ke hadapan merangkumi tiap-tiap masalah dan perkara yang akan timbul. Kelemahan-kelemahan itu menyebabkan satu-satu undang-undang itu selalu dibatalkan apabila satu undang-undang baru diluluskan.

Manakala dalam soal penyelarasan masalah nikah cerai orang Islam pula dapatlah dikatakan bahawa satu undang-undang yang agak kemas dan lengkap telah dibentuk dalam tahun 1937. Undang-undang ini dibentuk semasa pemerintahan Sultan Sulaiman Ibn Almarhum Zainal Abidin. Ia dikenali sebagai undang-undang “Mendaftarkan nikah cerai orang Islam” bil. 38 tahun 1356. Bukti-bukti menunjukkan bahawa undang-undang itu kemas dan lengkap kerana ia menetapkan ahli penyelaras yang ramai dan mempunyai borang-borang tertentu semasa pendaftaran nikah (borang A), surat keterangan nikah (borang B), register cerai (borang C), surat keterangan cerai (borang D) dan seterusnya bil bayaran yang dikenakan (borang E).⁴⁸

Untuk menyelaraskan pendaftaran nikah cerai dinyatakan bahawa sultan boleh melantik seorang tukang nikah (selain daripada kadi), seorang pendaftar nikah cerai dan dilantik beberapa penolong pendaftar nikah cerai di dalam kawasan tauliah masing-masing dan beberapa tukang nikah.⁴⁹ Beberapa peraturan tertentu

47 Lihat, Kerajaan Terengganu, *Peraturan Mahkamah Kadi bil. 2 tahun 1348*.

48 Lihat, Kerajaan Terengganu, *Mendaftarkan Nikah Cerai Orang-Orang Islam*, undang-undang bil. 38. tahun 1356.

49 *Ibid.*

dikenakan semasa pendaftaran nikah cerai dan sekiranya tidak dipatuhi denda akan dikenakan. Umpamanya dinyatakan:

Kemudian daripada telah dijalankan nikah oleh seseorang wali maka hendaklah ia dengan tidak kurang daripada 2 orang saksi-saksi merepotkan nikah itu kepada orang yang dilantik kerana mendaftarkan nikah-nikah di dalam tempoh 10 hari.

Manakala engkar bagi pihak wali pada merepotkan nikah di dalam masa yang ditetapkan itu apabila sabit kesalahannya itu di dalam mahkamah seorang magistret, maka haruslah didenda akan dia dengan denda yang tidak lebih daripada \$50 atau penjara bagi selama masa tidak lebih daripada 2 bulan.⁵⁰

Orang yang dilantik sebagai tukang nikah dan pendaftar nikah cerai pula dianggap sebagai pegawai kerajaan. Oleh sebab itu peraturan-peraturan tertentu dikenakan. Mereka yang tidak menerima gaji atau elaun daripada kerajaan boleh mengambil setengah daripada bayaran-bayaran yang telah dibayarkan kepada mereka, seperti bayaran semasa pendaftaran nikah cerai dan rujuk.⁵¹ Ini menyebabkan gaji mereka ini tidak tetap dan bergantung pada ramai atau sedikitnya orang yang mendaftar nikah cerai itu. Kadangkala mereka mendapat \$40 – \$50 sebulan dan pernah juga hanya mendapat \$7 hingga \$8 sebulan.⁵² Keadaan ini tentu sekali tidak seimbang dan tidak berpatutan.

Apabila berkuatkuasanya undang-undang 1937 ini, menyebabkan beberapa undang-undang dan istihar sebelumnya telah dibatalkan. Undang-undang dan istihar itu seperti undang-undang bil. 5 tahun 1340 istihar bil. 35 tahun 1340, istihar bil. 10 tahun 1341, istihar bil. 34 tahun 1345, istihar bil. 39 tahun 1347, istihar bil. 24/1353 dan istihar bil. 9 tahun 1354.⁵³

Meninjau tentang kuasa kadi berdasarkan kepada undang-undang dahulu (sebelum 30-an) adalah terlalu sempit. Umpamanya sekiranya terdapat seorang perempuan yang tidak taat kepada suaminya, kadi hanya boleh menasihati dan menyedarkan sahaja tanpa boleh berbuat apa-apa. Keputusan atau tindakan seterusnya adalah terletak di tangan majistret, manakala mahkamah magistret ini tidak terletak di bawah kadi.⁵⁴ Umpamanya dalam fasal 3 ada dinyatakan,

Jika orang itu sengaja engkar menyempurnakan hukum itu, maka hendaklah mahkamah kadi mengirimkan epil orang yang menerima nafkah atau penjaganya

50 *Ibid.*

51 Rujuk membawa erti suami isteri yang telah bercerai tetapi bertujuan untuk kembali semula sebagai suami isteri yang sah.

52 Hasil temutanya dengan Dato Purba pada 26 Julai, 1977.

53' Terengganu, *Undang-Undang Mendaftarkan Nikah Cerai bil. 38 tahun 1356.*

54 Hasil temutanya dengan Dato Purba pada 26 Julai, 1977.

mengeluarkan salinan keputusan kepada mahkamah jenayah. Maka berkuasalah majistret mengeluarkan waran tangkap dan membicarakan dia.⁵⁵

Manakala undang-undang dan hukuman yang dibuat adalah terlampau ringkas,⁵⁶ keadaan ini dapat dibuktikan dengan cara meneliti bentuk undang-undang yang telah dibuat. Umpamanya apabila timbul perkara-perkara sumbang dalam masyarakat, maka akan dikeluarkan satu undang-undang khas untuk menegah daripada berlakunya kes khalwat⁵⁷ berdasarkan kepada keadaan dan masa itu seperti Undang-Undang Tegahan Berkhalwat bil. 3 bagi tahun 1342 (1923). Undang-undang ini tersendiri dan hanya membicarakan tentang larangan-larangan dan hukuman-hukuman atau denda-denda ke atas orang yang berkhalwat. Undang-undang ini juga hanya mengandungi dua muka surat sahaja. Untuk mengatasi kemungkinan-kemungkinan lain yang akan timbul ia mensyaratkan bahawa adalah hak Duli Yang Maha Mulia menambah, meminda atau membetul akan undang-undang ini pada bila-bila masa yang difikirkan patut.⁵⁸

Dalam pada itu, dinyatakan bahawa sebelum tahun 1939, kadi hanya ada di Kuala Terengganu sahaja. Manakala di daerah lain adalah dipangku oleh Pegawai Daerah sebagai naib kadi.⁵⁹ Ia diberi tauliah boleh membicarakan perkara-perkara sebagai seorang kadi dengan syarat tidak boleh memutuskan bicara yang berkaitan dengan *taklid* melainkan dengan pengesahan mufti.⁶⁰ Ini disebabkan Pegawai Daerah itu bukanlah merupakan orang yang mahir di dalam soal-soal agama.

Selain daripada mahkamah kadi, terdapat juga mahkamah yang lebih rendah lagi iaitu Mahkamah Penghulu. Mahkamah Penghulu hanya boleh membicarakan hal-hal yang melibatkan tuntutan yang dibuat tidak lebih daripada \$25 dan denda yang tidak lebih daripada \$10 atau penjara yang tidak lebih daripada 7 hari.

55 Terengganu, *Peraturan Mahkamah Kadi bil. 2 tahun 1348*.

56 Hasil temutanya dengan Dato Purba pada 26 Julai, 1977.

57 Khalwat menurut agama Islam ialah apabila laki-laki dan perempuan yang harus dinikahi bersedudukan sama ada di rumah ataupun di tempat-tempat yang lain ataupun bersunyi-sunyian yang boleh menimbulkan syak.

58 Terengganu, *Undang-undang Tegahan Berkhalwat, bil. 3 bagi tahun 1342*.

59 Hasil temutanya dengan Dato Purba pada 26 Julai, 1977.

60 Pegawai Daerah dalam konteks ini tidak boleh memberi sesuatu hukum yang akan dipegang oleh masyarakat dari bawah jagaannya di dalam perkara-perkara yang berkait dengan kepercayaan, adat, ilmu pengetahuan dan amalan.

PENTADBIRAN MASJID

Untuk menjalankan dan menyelaraskan semua hal-hal yang bersangkutan dengan pentadbiran masjid, didapati *Nazir Masjid* telah dilantik. Sejak bila jawatan ini telah dibentuk, agak sukar dikesani. Ini disebabkan bahan-bahan di awal-awal abad ke 19 sukar diperolehi sedangkan masjid-masjid dan surau-surau telah dibina sejak awal kedatangan Islam ke Terengganu lagi. Di peringkat awal penumpuan terutamanya diberikan kepada masjid rasmi iaitu Masjid Sultan Zainal Abidin (masjid terbesar di Terengganu). Mengikut sumber yang diperolehi, dalam tahun 1926 misalnya jawatan Nazir Masjid telah pun ada, tugasnya ialah untuk membuat lawatan dan siasatan yang perlu berkenaan perjalanan masjid.⁶¹

Selain daripada Nazir, terdapat para pegawai dan kakitangan-kakitangan masjid kerajaan. Mereka ini mempunyai jawatan dan tanggungjawab masing-masing. Umpamanya tanggungjawab Imam dan Khatib adalah untuk menjadi imam sembahyang lima waktu, Jumaat, terawikh, dua hari raya dan membaca kutbah hari Jumaat dan sembahyang gerhana. Mereka juga dimestikan menyiasat dan mendakwa mereka yang tidak sembahyang Jumaat.⁶² Imam juga dilantik sebagai jurunikah di daerah masing-masing dan bertanggungjawab mengajar masyarakat di sekitar kawasan masjid jagaannya. Kitab-kitab yang selalu digunakan di Masjid Sultan ialah *Minhajul-Abidin*, *Tanbirah Al-Rafilin*, *Matla'ul Badrin*, *Shafaul Kulub* dan *Ashmawi*.⁶³ Manakala tanggungjawab *bilal* pula ialah memukul beduk, membetulkan jam masjid, memberitahu kepada imam mengenai mereka yang tidak sembahyang Jumaat dan mengambil alih tugas-tugas imam sekiranya ketiadaan imam.

Di samping itu terdapat juga pelayan-pelayan masjid seperti *pengisi air kolah*, *tukang sapu* dan sebagainya. Mereka itu ditugaskan membuka dan menutup pintu-pintu masjid, membersihkan masjid dan kawasanya, mengisi penuh air kolah masjid dan lain-lain tugas yang diperintahkan oleh Setiausaha Pejabat Agama atau naib-naib kadi daerah. Satu hal yang diisyaratkan kepada semua kakitangan masjid ialah mesti sentiasa bertingkhalku dan tuturkata yang beradab serta memelihara maruah agama dan diri.

Dengan peranan yang dipegang oleh imam dan bilal serta perkhidmatan dan sumbangan mereka kepada kerja-kerja kebajikan dan

61 Terengganu, SUK. 530/1346.

62 *Pekeliling Pejabat Agama* bil. 6/58, fail 34/56. (sebelum ini telah ada tertib jawatan tahun 1344 tetapi kini dibatalkan menurut surat pekeliling yang sama).

63 Terengganu, SUK. 530/1346.

agama, mereka mendapat kedudukan yang baik dan penghormatan di kalangan masyarakat kampung. Malah jawatan imam dan bilal selalunya menjadi rebutan.

Dapat dikatakan bahawa tugas-tugas yang dilaksanakan oleh kakitangan-kakitangan masjid ini agak berat dan tidak berpatutan kalau dibandingkan dengan skim gaji yang diberikan. Umpamanya dalam tahun 1928, skim gaji Pejabat Agama 1347 melaporkan:

| | |
|--------------------------|--------------------------|
| Khatib Masjid Sultan | — \$15.00 – \$18 sebulan |
| Imam Waktu Masjid Sultan | — \$13.50 sebulan |
| Pelayan Masjid Sultan | — \$15.00 sebulan |
| Pengisi Air Kolah | — \$12.00 sebulan |

Walau bagaimanapun keadaan ini dapat ditanggung sekiranya mereka berkhidmat semata-mata kerana Tuhan dan Agama. Pegawai dan kakitangan masjid ini disyaratkan hadir ke masjid pada tiap-tiap hari tanpa hari kelepasan menurut waktu-waktu yang telah ditetapkan. Kedatangan mereka akan dicatatkan dan akan dilaporkan oleh imam kepada Setiausaha Pejabat Agama bagi Masjid Sultan Zainal Abidin dan kepada naib kadi bagi masjid-masjid di Jajahan Terengganu. Sekiranya mereka ingin mendapatkan cuti mestilah mendapat kebenaran daripada Setiausaha Pejabat Agama terlebih dahulu.

Manakala untuk kenaikan pangkat pula dinyatakan apabila jawatan nazir masjid-masjid, mukim dan pelajaran agama kosong, hendaklah diadakan pilihan daripada mana-mana imam yang ada bekerja lama dan yang bergaji lebih tinggi dan yang ada pengalaman diangkatkan menjawat jawatan nazir masjid, mukim dan pelajaran agama dengan diberi permulaan gaji jawatan itu dengan percubaan 6 bulan.⁶⁴ Begitu juga dengan jawatan-jawatan seterusnya. Sekiranya jawatan imam kosong ianya digantikan dengan bilal dan sekiranya kosong juga digantikan dengan mana-mana pelayan atau pengisi air kolah.

Untuk menyenangkan imam, khatib dan bilal mengawal mereka yang tidak sembahyang Jumaat, satu *istihar khas* telah dibuat dalam tahun 1921. Istihar ini kemudiannya telah dipinda dalam tahun 1927 bilangan 22/45, di mana dinyatakan,

Ketahui oleh sekalian mereka yang beragama Islam dalam negeri dan Jajahan Terengganu bahawa diberitahu iaitu sekalian mereka orang laki-laki yang beragama Islam dan berumur lebih daripada 15 tahun yang duduk dalam kawasan 3 batu daripada sesuatu masjid lazimlah hadir sembahyang Jumaat mana-mana masjid mukimnya pada tiap-tiap Jumaat. Siapa-siapa yang engkar akan didakwa dalam mahkamah kadi dalam mana-mana mahkamah kerajaan Terengganu dan apabila sabit engkarnya akan dihukumkan denda sebanyak 50 sen⁶⁵

64 Kerajaan Terengganu, *Peraturan Gaji-Gaji bagi Jawatan di Dalam Pejabat Agama*, bil. 4 bagi tahun 1347, Pejabat Cetak Kerajaan Terengganu.

65 Terengganu, SUK. 171/1346, *Istihar Kerajaan Terengganu*, bil. 22/45.

Dalam pada itu untuk melicinkan lagi perjalanannya, pegawai tadbir kerajaan disyaratkan menulis kedatangan mereka ke dalam buku khas kedatangan pegawai ke masjid. Usaha ini dijalankan untuk mengelakkan ramainya yang tidak sembahyang Jumaat sedangkan mereka dianggap sebagai teladan kepada masyarakat juga untuk menyelamatkan masa dari keluar masuk ke mahkamah.

Sungguhpun peraturan dan denda-denda dikenakan tetapi masih terdapat mereka yang engkar. Keadaan ini terbukti dengan melihat laporan Pesuruhjaya Agama dan Keadilan yang menyerahkan wang denda tidak sembahyang Jumaat dalam tahun 1926 kepada khazanah setiausaha kerajaan sebanyak \$19.50.⁶⁶ Ini bererti seramai 39 orang yang dapat dikesan tidak sembahyang Jumaat sepanjang tahun 1926.

PENTADBIRAN BAITUL MAL

Sebelum membincangkan tentang *Baitul Mal* ini, perlu dinyatakan bahawa di sekitar tahun 1910 hingga 30-an ini, institusi khas untuk memungut hasil zakat secara berdaftar belum lagi diwujudkan. Malah nazir khas untuk memungut zakat juga tidak ada. Ini menyebabkan kerajaan tidak mempunyai hasil dari pungutan zakat. Pungutan zakat hanya dilakukan oleh imam-imam masjid ataupun amil dan hasil-hasil itu terus diberikan kepada fakir miskin atau mereka yang berhak menerimanya termasuklah pemungut (amil) itu sendiri.

Institusi baitul mal yang diwujudkan semasa ini merupakan satu bentuk pentadbiran untuk mengendalikan harta orang-orang Islam yang mati yang tidak mempunyai waris atau yang mempunyai waris tetapi tidak boleh mengambil semua bahagian mengikut hukum faraidh.⁶⁷ Harta-harta itu akan terserah sebagai hak baitul mal mengikut hukum syarak. Mereka yang mengendalikan institusi ini adalah dilantik sendiri oleh Sultan iaitu seorang Nazir, seorang Bendahari dan beberapa orang pegawai untuk membantu. Semua pegawai disyaratkan beragama Islam. Satu undang-undang yang khas telah dikuatkuasakan dalam tahun 1937 yang dikenali sebagai undang-undang baitulmal bil. 37 tahun 1356H. Undang-undang ini juga telah membatalkan istihar-istihar sebelumnya seperti istihar bil. 24 tahun 1342H, istihar bil. 50 tahun 1342H dan peraturan bil. 9 tahun 1344H.⁶⁸ Ini menunjukkan bahawa undang-undang Baitul Mal telah pun wujud dalam tahun 1922 (1342) lagi.

66 *Ibid.*

67 Hukum Faraidh ialah hukum-hukum pembahagian harta pesaka dari segi agama Islam yang telah ditetapkan.

68 Lihat, Kerajaan Terengganu, *Baitul Mal*, undang-undang bil. 37 tahun 1356.

Harta-harta Baitul Mal tidak boleh dikeluarkan atau dibelanjakan dengan sewenang-wenangnya kecuali benar-benar untuk kepentingan Islam mengikut yang diluluskan oleh hukum syarak seperti untuk membaiki atau membina masjid dan sebagainya. Permohonan itu pula mestilah terlebih dahulu dipersetujui oleh sultan melalui mesyuarat.

Satu hal yang kurang memuaskan di dalam pentadbiran ini ialah kurangnya pegawai-pegawai khas yang dilantik untuk mengendalikan hal-hal Baitul Mal terutamanya di daerah-daerah. Keadaan ini dapat dilihat umpamanya untuk mengendalikan urusan-urusan mal di Ulu Terengganu, sultan telah melantik Naib Kadi di Ulu Terengganu menjadi penolong nazir dan penolong bendahari bagi jajahan Ulu Terengganu dalam tahun 1939.⁶⁹ Begitu juga sultan telah melantik Naib Kadi Kemaman, Dungun dan Besut untuk menjadi penolong bendahari di daerah masing-masing. Sedangkan naib-naib kadi ini mempunyai tugas-tugas lain yang harus dilaksanakan dengan baik sebagai naib kadi. Apa yang jelas kepada kita ialah pentadbiran-pentadbiran di peringkat ini belumlah begitu kemas dan cekap sungguhpun pembaharuan dilakukan di dalam undang-undang atau istihar-istihar.

PENTADBIRAN SEKOLAH AGAMA/ARAB

Di sekitar tahun 1910 hingga 30-an ini dapat dikatakan Sekolah Agama/Arab di Terengganu belum lagi berkembang. Sekolah Arab atau Agama Terengganu yang pertama ditubuhkan ialah pada tahun 1925.

Sebelum tahun 1920-an dapat dikatakan sambutan masyarakat terhadap pengajaran agama Islam baik di rumah tok-tok guru, di masjid-masjid, surau dan juga di pondok-pondok agak memberangsangkan. Masyarakat ketika itu memberi sambutan yang baik terhadap majlis-majlis syarahan agama dan menghantar anak-anak mereka untuk mendapatkan pelajaran asas di rumah tok-tok guru. Pengajaran dan pendidikan secara pondok terus maju dan mendapat sambutan hingga ke tahun 1940. Antara tokoh-tokoh yang berperanan menyampaikan ilmu pada masyarakat di sekitar tahun-tahun ini ialah Hj. Muhammad bin Hj. Hussin yang mengajar di Kampung Lampu, Besut di sekitar tahun-tahun 1337 – 1342H/1916 hingga 1921. Kemudian beliau mengajar pula di Kuala Besut hingga tahun 1943. Hj. Umar, mengajar di Kampung Raja Besut di sekitar

69 Lihat, *Warta Kerajaan Terengganu*, Undang-Undang Baitul Mal Terengganu, bil. 141, fasal (1).

tahun 1902 – 1940, Hj. Abdul Rahman Limbong mengajar di Kuala Terengganu, Ulu Terengganu dan di kampungnya sendiri iaitu Kampung Beladau. Lain-lain tokoh yang terkenal termasuklah Dato Bentara Guru (Mufti Negeri), Dato Kamal Wangsa (Mufti Negeri) Hj. Wan Abdul Latif, Hj. Abas mengajar di Besut, Hj. Abdul Rahman di Maras⁷⁰ dan beberapa tokoh lain yang merupakan anak murid kepada tokoh-tokoh di atas.

Menjelang tahun 1920-an pula, didapati banyak perubahan telah berlaku terutamanya timbul pemikiran-pemikiran dan idea-idea yang dinamis. Dari segi perkembangan pelajaran pula telah muncul golongan intelek sama ada yang mendapat didikan Islam di pondok-pondok dalam negeri atau mendapat didikan Islam di Tanah Suci Mekah atau dari negeri tetangga seperti Indonesia dan Patani. Di tahun-tahun ini juga kesedaran tentang keagamaan telah mulai menyerap ke dalam pemikiran masyarakat Melayu Islam, kerana Islam sendiri seharusnya membawa “rationalism” dan “intellectualism”⁷¹ Mereka mulai menyedari peri pentingnya terbentuk institusi-institusi yang khas sebagai tempat memberi pendidikan Islam kepada umat Islam. Mereka insaf pendidikan bercorak tradisi yang kurang teratur dan lengkap akan terancam dengan pengaruh perkembangan Sekolah Vernakuler dan pendidikan Barat sekiranya tidak diberikan pembelaan yang wajar.

Desakan-desakan semakin memuncak hingga membawa pegawai-pegawai tinggi Melayu ketika itu yang juga mendapat pendidikan agama seperti Dato Sri Amar Diraja (Hj. Ngah b. Hj. Yusof) iaitu Menteri Besar ketika itu,⁷² Dato Bentara Luar (Muhammad Kassim bin Hussin) yang memegang jawatan sebagai Pegawai Pelajaran Negeri, Dato Bentara Guru iaitu Mufti Negeri, Dato Andika Diraja sebagai Ketua Kastam Negeri, Dato Kamal Wangsa (Mufti) dan beberapa ahli lain termasuk ulama-ulama agama yang berminat tentang kemajuan agama Islam merasakan perlu sekali sekolah agama ditubuhkan dengan segera. Melalui beberapa perbincangan tokoh-tokoh tersebut telah mendesak Nazir sekolah-sekolah yang telah dilan-

70 Hasil temutanya dengan Misbaha pada 21 Julai, 1977.

71 Syed Naguib Al-Attas, *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay — Indonesian Archipelago*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1969 h. 5.

72 Beliau dilantik menjadi Menteri Besar Terengganu pada 1917 oleh Sultan Zainal Abidin III hingga kepada pemerintahan Sultan Sulaiman (1920 – 1942). Beliau juga merupakan seorang tokoh agama yang minat terhadap perkembangan pelajaran agama di Terengganu.

tik dalam tahun 1920⁷³ supaya membenarkan sebuah kelas agama diadakan di Sekolah Melayu Paya Bunga pada 1925. Desakan-desakan itu adalah wajar untuk mengimbangi pendidikan Inggeris dan Vernakuler dengan pendidikan agama. Walau bagaimanapun Sekolah Agama ini sebenarnya tidak lari daripada untuk memberi pengetahuan agama yang cukup kepada pelajar-pelajarnya supaya menjadi alim ulama dan dapat memimpin masyarakat ke jalan yang benar.

Dengan terbentuknya Madrasah Al-Arabiah pada tahun 1925 pengajaran agama Islam di Terengganu mulai berubah setapak demi setapak. Pembelajaran di institusi pondok telah mula diambil alih oleh Sekolah agama yang lebih teratur dan berorganisasi. Perlu juga dinyatakan di sini bahawa Pejabat Pelajaran Negeri hanya ditubuhkan pada tahun 1920. Jadi secara tidak langsung peranan kerajaan untuk mengembangkan pengajaran agama melalui institusi hanya berlaku selepas tahun 1920. Guru Besar pertama sekolah ini ialah Syeikh Ahmad bin Muhammad Nor al-Patani. Kumpulan yang pertama diterima belajar di Madrasah tersebut, lebih kurang seratus orang.⁷⁴

Sebenarnya pada peringkat awal ini, sukar untuk dikatakan perjalanan sekolah yang ditumpangkan ini berbentuk sebuah sekolah dalam ertikata yang sebenarnya. Terlalu banyak kekurangan yang terdapat dan layak dikatakan sebagai sebuah pembentukan kelas sahaja. Lebih-lebih lagi kerana ia tidak ada sistem pengkelasan seperti sekolah-sekolah lain yang terdapat pada masa itu. Gurunya hanya seorang sahaja iaitu Syeikh Ahmad Nor Patani. Walau bagaimanapun perjalanan sekolah yang berbentuk kelas ini lebih sistematik daripada institusi pengajaran agama sebelumnya. Bahasa pengantarnya ialah Bahasa Arab dan waktu belajarnya di antara pukul satu tengahari hingga empat setengah petang. Mata-mata pelajaran yang diajar termasuklah Bahasa Arab, Nahu, Usuluddin, Tauhid, Fiqh dan terjemahan dari Bahasa Arab ke Bahasa Melayu. Buat beberapa tahun ini tidak ada usaha-usaha dari kerajaan untuk menubuhkan sebuah sekolah yang khas bagi pelajar-pelajar yang menumpang di Sekolah Paya Bunga itu. Kemudian pelajar-pelajar ini terpaksa pula dipindahkan ke Sekolah Melayu Bukit Jambul⁷⁵ dengan kebenaran pihak Pejabat Pelajaran Negeri kerana beberapa sebab.

Mulai tahun 1927, pihak Pejabat Agama telah memberi perhatian yang memuaskan terhadap kemajuan sekolah ini. Misalnya dua orang guru yang ditugaskan pada masa itu telah diberikan layanan

73 *Annual Report Terengganu, 1349H/1930*, h. 14 – 15.

74 Saruji Mukhtar, "Badan Dakwah Islam Malaysia: Madrasah Sultan Zainal Abidin", dalam *Qiblat*, Julai 1973. h. 28.

75 Sekolah Melayu Bukit Jambul ini telah didirikan pada 1920.

dan tanggungan gaji yang memuaskan walaupun sekolah itu masih lagi terletak di bawah pentadbiran Pejabat Pelajaran Negeri sehinggalah ketahun 1947. Jelasnya urusan gaji dan gurunya adalah dikelolakan oleh Pejabat Agama walaupun sekolah itu ditadbir oleh Pejabat Pelajaran. Sekolah ini secara rasminya telah diserahkan di bawah pentadbiran Pejabat Agama dalam tahun 1947.

Memandangkan kepada keadaan sekolah ini yang terumbang-ambing tanpa tapak yang teguh, Dato Bentara Luar, Dato Andika Diraja, Dato Sri Amar Diraja dan beberapa tokoh lain lagi memulakan inisiatif mendapatkan derma dari orangramai untuk menubuhkan sebuah bangunan sekolah yang khas. Kerajaan Terengganu telah membenarkan sebuah Jawatankuasa Pelajaran yang dipengerusikan oleh Dato Andika Diraja dan Dato Bentara Luar⁷⁶ telah ditugaskan untuk mendapatkan seberapa banyak derma dan bantuan orang ramai untuk mendirikan sebuah sekolah agama yang khas.⁷⁷ Dengan itu sebuah sekolah telah dapat didirikan dalam tahun 1932 di Kampung Ladang dengan nama Madrasah Al-Sultan Zainal Abidin.

Sukatan pelajaran sekolah ini adalah mementingkan keduniaan dan keakhiratan atau dapat dikatakan bercorak "dual purpose". Sekolah ini mendapat sambutan yang baik dari masyarakat. Dalam tahun 1933, guru-guru di sekolah ini telah bertambah kepada tiga orang. Selain daripada mata pelajaran agama dan Arab, murid-murid juga diberi peluang untuk mempelajari mata pelajaran Ilmu Alam, Kira-Kira, Algebra, Geometri dan lain-lain.

Secara umumnya, sukatan pelajaran dan sistem pengajian baharu ini diadakan untuk memberikan pelajaran Agama Islam kepada penuntut-penuntutnya dengan cara yang lebih sistematik dari sebelumnya. Bahasa pengantar yang digunakan ialah Bahasa Arab. Pengajian di sekolah ini memakan masa selama lapan tahun (darjah I – VIII)⁷⁸ untuk mendapatkan Sijil Syahadah Nihaeiah Sultan Zainal Abidin. Pemegang Syahadah ini layak menjadi Guru Agama dan Pegawai Agama dan boleh juga menyambung pelajaran yang lebih tinggi ke Universiti Al-Azhar di Mesir.

76 Dato Bentara Luar memegang jawatan sebagai Ketua Pelajaran Negeri. Nama sebenarnya ialah En. Muhamad Kassim b. Hussin. Lihat Artikel "Sekolah Menengah Agama Sultan Zainal Abidin dan Perjuangannya dalam Pengajaran dan Pendidikan Islam di Terengganu." dikeluarkan oleh Jawatankuasa Menyemak Dasar Pelajaran Sekolah-Sekolah Menengah Agama Terengganu tahun 1973. h. 3.

77 *Ibid.*

78 Sistem pengajian ini hanya berjalan dari tahun 1932 hingga tahun 1957 sahaja kerana ia digantikan dengan sistem baru dalam tahun 1958.

Keluaran sulung madrasah ini ialah pada tahun 1936. Seramai sepuluh orang pelajar telah diberikan Sijil Syahadah iaitu sijil yang dikeluarkan oleh Pejabat Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu di bawah pengawasan Pejabat Pelajaran Negeri. Pemegang-pemegang Syahadah ini diterima oleh pihak kerajaan negeri untuk berkhidmat sebagai pegawai kerajaan atau Pegawai Pejabat Agama atau sebagai guru-guru agama. Sijil ini juga diiktiraf oleh Universiti-Universiti Timur Tengah seperti Universiti Al-Azhar dan Universiti Madinah. Tetapi para lulusan dalam tahun 1936 ini tidak seorang pun yang melanjutkan pelajaran mereka ke Timur Tengah kerana masalah tertentu seperti kekurangan kewangan, tekanan dari pemerintah Inggeris dan sebagainya. Tambahan kerajaan sendiri belum lagi membuat sebarang peruntukan untuk membiayai pelajar-pelajar ke Timur Tengah atau dapat dikatakan galakan dari kerajaan amat kurang sekali. Hanya dalam tahun 1940-an barulah beberapa orang tokoh dapat melanjutkan pelajaran mereka.

Mereka yang mendapat syahadah keluaran pertama ini termasuklah Hj. Muhamad Salleh b. Hj. Awang, Hj. Ibrahim Hilmi b. Abdullah, Wan Ibrahim b. Ali, Muhamad Taib b. Sabri, Wan Omar b. Wan Embong, Muhamad Ali b. Awang Besar, Wan Muhamad Nor b. Ismail, Mohidin b. Hj. Awang dan dua orang lain lagi.⁷⁹ Kebanyakan daripada mereka ini dapat dikatakan mendapat kedudukan yang baik di kalangan masyarakat, umpamanya ada yang bergiat di dalam politik, bidang pentadbiran, pendidikan agama ataupun perniagaan.

Sebagai kesimpulan di sini, dapat dikatakan penubuhan Sekolah Arab ini merupakan perintis kepada penubuhan Sekolah-Sekolah Agama lain kemudiannya di dalam tahun-tahun 40-an. Ini antara lain kerana desakan-desakan sebilangan penduduk dan kesedaran rakyat umum terhadap pendidikan juga untuk membimbing dan mengimbangkan dengan keadaan Sekolah Melayu dan Inggeris di tiap-tiap jajahan.

CAMPURTANGAN INGGERIS DI DALAM PENTADBIRAN AGAMA DAN KEADILAN

Walaupun dalam surat-surat Perjanjian 1874 antara kerajaan British dengan Kerajaan Perak dan begitu juga dengan negeri-negeri lain di mana antara lain perjanjian dengan Sultan-Sultan Tanah Melayu menyatakan bahawa pihak British tidak akan mencampuri hal-hal ehwal pentadbiran Agama dan Adat Istiadat Melayu tetapi masih dapat dipersoalkan sejauh manakah kebenaran kenyataan itu. Pada pering-

79 Hasil temutanya dengan Misbaha, pada 21 Julai, 1977.

kat awal, British sememangnya tidaklah begitu memperlihatkan minatnya untuk mendesak diadakan perubahan-perubahan di dalam pentadbiran agama. Manakala kerajaan negeri pula sentiasa mengingatkan kepada British supaya para pegawainya benar-benar bertindak sebagai pentadbir awam semata-mata. Tetapi hari demi hari dapat dilihat bahawa pengaruh pandangan Islam dalam mahkamah awam jelas merosot akibat kedatangan "British Adviser". Keadaan ini lebih buruk kerana terdapatnya kelainan pandangan Barat dan Timur di dalam konsep beragama. Menurut Barat, Agama Islam adalah terpisah dari kehidupan sekular. Agama baginya adalah soal-soal ibadat dan akhirat sahaja. Sedangkan menurut kacamata dan nilai-nilai Islam itu adalah kesatuan dari keduanya iaitu kehidupan sekular dan akhirat yang tidak boleh dipisahkan.⁸⁰ Pertentangan-pertentangan ini menyebabkan British yang menganggap dirinya lebih "Superior" dari orang Islam di Tanah Melayu cuba menanam pendapat dan nilai-nilai kebudayaan mereka kepada bangsa Melayu. Sebaliknya nilai Islam dikatakan tidak sesuai dan kolot. Satu cara yang difikirkan baik dan berkesan ialah dengan memperkenalkan pelajaran dan Kesusasteraan Barat. Dengan cara ini masyarakat Melayu akan dicorakkan semula dengan kebudayaan Barat dan beransur-ansur akan mengurangkan nilai-nilai Islam dan adat Melayu sendiri. Keadaan ini sebenarnya amat ketara sekali kesannya.

Untuk membuktikan campur tangan British dalam hal-hal Agama Islam dan adat Melayu memang sukar kerana ia dicabuli secara tidak langsung sahaja. Untuk menjelaskannya, ia memerlukan satu kajian yang teliti dan memakan waktu yang lama. Walau bagaimanapun sedikit sebanyak dapat dibentangkan di sini. Terutamanya dalam kes guaman mahkamah, pembiayaan belanjawan untuk Pejabat Agama dan juga beberapa urusan yang lain. Umpamanya dalam tahun 1927, didapati "British Adviser" Terengganu dimasa itu telah menghantar surat kepada Pesuruhjaya Agama supaya membatalkan lesen peguam En. Da bin Mohamad.⁸¹ Surat itu yang bertarikh 3 Mac 1946 memberi alasan bahawa En. Da berkelakuan tidak baik dan berbohong di dalam mahkamah. Sejauh manakah kebenaran dakwaan itu ataupun mempunyai muslihat, susah untuk dibuktikan sekarang. Walau bagaimanapun cadangan itu membawa kepada keputusan *it-tifak* (ketetapan) mesyuarat am dan majlis mesyuarat Kerajaan

80 Syed Muhammad Naguib Al-Attas., *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1972 h. 8.

81 Terengganu, SUK 369/1346, En. Da bin Mohamad atau En. Da Abdul Rahim bin Mohamad ini kemudiannya telah dilantik sebagai Setiausaha Pejabat Agama dalam tahun 1934. Lihat juga Terengganu JMB 459/1350.

Terengganu untuk membatalkan lesen En. Da dalam surat yang bertarikh 16 Mac 1346.⁸²

Malah di dalam merangkakan satu-satu undang-undang Islam, sebelum ia diluluskan laporan-laporan juga dihantar kepada "British Adviser" dan mengharapkan persetujuan daripadanya. Misalnya sebelum diluluskan undang-undang nikah cerai bil. 6/1340 iaitu dalam tahun 1921 perkara ini juga diminta persetujuan terlebih dahulu daripada "British Adviser" Humphrys.⁸³ Sungguhpun campur tangan itu berlaku secara tidak langsung tetapi menampakkan kepada kita bahawa "British Adviser" mempunyai kedudukan yang tinggi di dalam semua bidang pentadbiran. Pandangan dan persetujuan daripadanya amat diutamakan. Sungguhpun setiap laporan mengenai agama selalunya dipersetujui tetapi ini secara tidak langsung juga dapat menjatuhkan "image" ketinggian agama Islam kerana meminta persetujuan daripada orang yang langsung tidak mengetahui tentang selok-belok agama Islam. Begitu juga di dalam soal-soal kewangan atau pembiayaan untuk satu-satu urusan yang berkait dengan Islam juga dilaporkan kepada "British Adviser" selain daripada Pesuruhjaya Agama dan Setiausaha Kerajaan. Umpamanya dari Laporan Setiausaha Kerajaan Terengganu menyatakan bahawa Pesuruhjaya Agama meminta "British Adviser" supaya meluluskan wang sebanyak \$32.10 untuk perbelanjaan Maulud Nabi dalam tahun 1920.⁸⁴ Manakala seorang yang ditemutanya menyatakan, sekiranya permohonan diminta sebanyak \$200 untuk mendirikan sekolah agama tetapi hanya diluluskan sebanyak \$100 sahaja. Ini menyebabkan projek itu tergendala dan tidak dapat berjalan dengan baik sebagaimana yang dirancangkan,⁸⁵ misalnya sekolah Sultan Zainal Abidin pada asalnya dapat didirikan dari derma orang ramai begitu juga dengan Sekolah Agama Khairiah Chabang Tiga.

Dari keterangan di atas, jelaslah kepada kita bahawa kenyataan British tidak campur tangan dalam hal ehwal pentadbiran Agama dan Adat Melayu tidak dapat diterima sepenuhnya. Dari segi praktiknya British tidak ragu-ragu campur tangan dalam soal-soal Agama dan Adat Istiadat Melayu terutamanya jika ianya difikirkan penting atau merugikan sekiranya tidak bertindak demikian.

Sebagai satu penilaian tentang perjalanan Pentadbiran Pejabat Agama dan Keadilan dalam tahun-tahun 1910-an hingga 1930-an itu dapatlah dikatakan amat luas sehingga merangkumi soal-soal

82 Terengganu, SUK. 369/1346.

83 Terengganu, SUK. 651/1339.

84 Terengganu, SUK 189/1339.

85 Hasil temutanya dengan Ustaz Mahmud Salim pada 17 Julai, 1977.

keadilan iaitu soal-soal mahkamah. Luasnya bidang pentadbiran menyebabkan penumpuan tidak dapat diberikan dengan begitu teliti dalam semua bidang menyebabkan penyelenggaraan tidak kemas dan licin. Keadaan ini dapat dilihat umpamanya dengan tidak adanya satu kesatuan undang-undang atau satu undang-undang yang konkrit yang merangkumi semua hal dan sesuai untuk semua masa dan keadaan. Sebaliknya kita dapati satu undang-undang atau istihar itu sentiasa dibatalkan dan dibentuk yang baru pula. Ini berlaku kerana penciptaan itu dibentuk hanya khas untuk masa itu sahaja atau berpunca dari satu-satu hal yang berlaku. Umpamanya apabila berlaku pendakwaan seorang lelaki terhadap isterinya yang tidak tinggal dalam satu jajahan dengannya, maka dikeluarkan satu istihar atau pemberitahu Kerajaan Terengganu melarang pendakwaan laki-laki terhadap isterinya yang tinggal dijajahan yang lain kecuali dibuat dakwaan itu di mahkamah tempat tinggal isterinya untuk mengelakkan sebarang kesukaran bagi si isteri untuk hadir ke mahkamah.⁸⁶ Ataupun dapat dilihat, apabila berlaku pencabulan orang-orang Islam terhadap kesucian bulan puasa, maka dikeluarkan satu istihar Kerajaan Terengganu bil. 45/1351 menegah orang Islam dari makan atau minum siang hari dalam bulan puasa. Kedai-kedai kopi tidak dibenarkan menjual makanan dan minuman atau rokok kepada orang-orang Islam. Sesiapa yang melanggar peraturan itu akan didakwa di mahkamah dan sekiranya didapati benar-benar bersalah akan didenda sebanyak \$10.00 atau 7 hari penjara.

Tidak cekapnya pentadbiran juga disebabkan kurangnya kakitangan-kakitangan yang dilantik sebagaimana yang telah dibicangkan seperti kurangnya kakitangan untuk memungut hasil Baitul Mal dan juga sentiasa berlaku pertukaran kerani dari satu bahagian ke bahagian yang lain. Keadaan lebih buruk lagi, apabila British sedikit sebanyak telah mencampuri urusan-urusan agama di peringkat atas.

Walau bagaimanapun kepentingan wujudnya pejabat ini untuk mengendalikan hal-hal masyarakat umumnya dan orang-orang Islam khususnya tidaklah boleh dinafikan. Untuk membolehkan pentadbiran itu berjalan dengan baik “estimate” khas telah dibuat. Umpamanya dalam tahun 1345 (1926) estimate gaji diluluskan sebanyak \$25,764.00.⁸⁷ Dalam pada itu Pejabat Agama dan Keadilan juga dapat mengumpulkan beberapa banyaks kewangan dari beberapa

86 Perhubungan di masa ini masih menggunakan sungai-sungai ataupun terpaksa merentasi hutan-hutan kecil. Ini tentu menimbulkan masalah pada seorang perempuan untuk berjalan sendirian.

87 Terengganu, SUK. 530/1346

sumber. Umpamanya dalam tahun yang sama juga telah dapat dikumpulkan sebanyak \$852.00 dari hasil lesen peguam, \$11.50 dari sumber denda (*kifarah*) tidak sembahyang Jumaat dan \$279.00 dari hasil lain-lain. Kesemuanya berjumlah sebanyak \$1,142.50.⁸⁸

Pentadbiran pejabat ini bertambah baik menjelang tahun-tahun 1940-an terutamanya apabila tertubuhnya Majlis Agama Islam dan Adat Melayu secara rasmi dalam tahun 1949. Dengan penubuhan majlis ini, pembahagian kerja berlaku dengan lebih kemas dan kakitangan juga dilantik lebih ramai lagi.

Akhirnya, dapatlah dikatakan bahawa tahun-tahun 1910-an hingga 1930-an ini merupakan satu tahap yang penting sebagai perintis kemajuan di dalam seluruh pentadbiran yang berkait dengan hal ehwal Agama Islam di Terengganu. Kenyataan ini dapat dibuktikan misalnya pada tahun 1911, Undang-undang Tubuh Terengganu telah dibentuk dan antara lainnya ia telah mencatatkan Agama Islam sebagai “Agama Rasmi Terengganu”. Kemudian berekoran dari itu Pejabat Hal Ehwal Agama dan keadilan pula telah ditubuhkan. Dengan pembentukan institusi ini bererti semua hal ehwal Agama Islam dapat ditadbir dengan cara yang lebih teratur, kemas dan dapat menjamin keutuhan Agama Islam, masyarakat Islam dan seterusnya negeri Terengganu. Keutuhan itu dapat dijamin kerana tugas-tugas pentadbiran Pejabat Agama itu telah diagihkan kepada pegawai-pegawai agama yang juga baru dibentuk seperti Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama pada 1919, Setiausaha Pejabat Agama pada 1932, Pemeriksa Agama pada tahun 1938, Guru Pelawat pada 1937, Mufti dan lain-lain kakitangan lagi. Di samping itu dalam tahun-tahun ini juga telah timbul kesedaran masyarakat Islam untuk lebih menjamin masa depan masyarakat Islam dengan membentuk sebuah institusi pendidikan Islam yang betul-betul berorganisasi dan berorientasikan keislaman. Dengan itu, pada tahun 1925 telah wujud sebuah institusi pendidikan Agama Islam dengan nama Madrasah Al-Arabiah dan seterusnya berkembang dan maju sehinggalah terdirinya Madrasah Sultan Zainal Abidin di Ladang Kuala Terengganu pada 1932/33. Sungguhpun kelihatan pihak British cuba campur tangan di dalam hal ehwal pentadbiran Islam dan menyekat kemajuan Islam tetapi dengan adanya tokoh-tokoh agama dan pegawai-pegawai tinggi Melayu pada ketika itu yang benar-benar cintakan Islam dan kemajuannya seperti Dato Sri Amar Diraja, Dato Andika Diraja, Dato Bentara Luar dan lain-lain tokoh lagi menyebabkan pentadbiran Islam tetap maju dan berkembang meskipun terpaksa berhadapan dengan berbagai cabaran dan halangan.

88 *Ibid.*